

# KAEDAH BAHASA ISYARAT DALAM PEMBELAJARAN AL-QURAN BAGI ORANG KELAINAN UPAYA PENDENGARAN

Raina Binti Ramli<sup>1</sup>  
Nur Hasanatul Fadhillah Binti Ma'arof<sup>2</sup>  
Nur Nadiah Binti Mohd Halid<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia - Darul Quran (USIM - DQ), Malaysia, (E-mail: rainaramli1997@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia - Darul Quran (USIM - DQ), Malaysia, (E-mail: hasanatulfadhillah@gmail.com)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia - Darul Quran (USIM - DQ), Malaysia, (E-mail: nurnadiahmohdhalid@gmail.com)

**Abstrak:** *Seluruh dunia sudah mula mengambil berat akan golongan orang kelainan upaya (OKU) dengan menyediakan pelbagai kemudahan bagi golongan ini seperti tempat letak kereta khusus bagi (OKU), tandas untuk golongan (OKU), laluan bagi golongan (OKU), bahkan sekolah khusus untuk mereka. Usaha ini telah ditambah baik bagi golongan orang kelainan upaya yang beragama Islam dengan menghasilkan Quran Braille bagi orang kelainan upaya penglihatan serta Al-Quran isyarat bagi golongan orang kelainan upaya pendengaran. Artikel ini khususnya akan membincangkan tentang penggunaan bahasa isyarat dalam pembelajaran Al-Quran bagi orang kelainan upaya pendengaran. Ini adalah bertujuan bagi menyedarkan lebih ramai dari kalangan masyarakat akan kewujudan pembacaan Al-Quran dengan bahasa isyarat dan menggalakkan pembelajaran dan pembacaan Al-Quran kepada lebih ramai orang terutamanya golongan orang kelainan upaya. Artikel ini akan menggunakan metodologi kajian kualitatif dengan menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dalam menerangkan sejarah penggunaan bahasa isyarat dalam pembacaan Al-Quran, pandangan Al-Quran dan Hadis terhadap golongan orang kelainan upaya, serta manfaat dan hikmah Al-Quran isyarat bagi golongan ini. Dapatan kajian membuktikan Al-Quran isyarat ini dapat membantu lebih ramai golongan orang kelainan upaya pendengaran ini untuk membaca dan memahami Al-Quran. Penghasilan Al-Quran isyarat ini turut menjadi pendorong utama untuk usaha-usaha lain bagi membantu golongan orang kelainan upaya untuk lebih memahami agama Islam.*

**Kata Kunci:** *OKU Pendengaran, Al-Quran, Bahasa Isyarat.*

## Pengenalan

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 menunjukkan 7.6 peratus populasi dewasa dengan anggaran 1.9 juta orang di Malaysia mengalami ketidakupayaan pendengaran. Mantan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, statistik pendaftaran orang kurang upaya (OKU) pendengaran di Malaysia pula seramai 40,743 individu melibatkan dewasa dan kanak-kanak telah berdaftar sehingga 31 Disember 2021. Dalam masa sama, menurut beliau, World Report on Hearing menganggarkan hampir 2.5 bilion penduduk dunia mengalami masalah pendengaran dan sekurang-kurangnya 700 juta daripadanya memerlukan rehabilitasi menjelang 2050.<sup>31</sup>

Penggunaan bahasa isyarat dalam pembelajaran Al-Quran bagi golongan orang kelainan upaya (OKU) pendengaran telah membuka lembaran baru bagi merapatkan jurang antara golongan ini dengan pengajian agama. Peluang golongan orang kelainan upaya untuk mendalami pengajian Al-Quran kini terbuka luas dengan adanya penambahbaikan terhadap modul pengajaran dan pembelajaran Al-Quran khusus untuk golongan orang kelainan upaya ini.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Kumpulan Penyelidik, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) telah menghasilkan Aplikasi Al-Quran Isyarat yang pertama bagi komuniti orang kelainan upaya (OKU) pendengaran di Malaysia. Aplikasi yang menyokong peranti android ini juga mampu menjadi model aplikasi mesra (OKU) pendengaran di peringkat antarabangsa. Ketua Projek Norakyairee Mohd Raus berkata inovasi terkini ini dicipta bagi meraikan kekuatan visual komuniti pekak dengan elemen kedudukan dan teks ayat serta kod Hijaiyyah Arab, terjemahan rumi yang mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. Norakyairee berkata, aplikasi ini mensasarkan keseluruhan Al-Quran dengan pendekatan wakaf tunai RM1,000 bagi setiap halaman dan pembangunan keseluruhan 30 juz Al-Quran berjumlah RM604,000, manakala kos perkhidmatan dan latihan berjumlah RM396,000. Tambahnya projek wakaf tunai telah dilaksanakan bagi menjayakan inovasi ini, serta turut mendapat kerjasama Pusat Wakaf dan Zakat USIM, Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH) serta *Cyber Security and System Centre* (CSS) USIM. Katanya, usaha ini adalah selaras dengan hasrat USIM sebagai kampus barakah, dalam menerajui konsep universiti untuk komuniti berasaskan pendekatan integrasi ilmu *Naqli* dan *Aqli*. Pada majlis pelancaran aplikasi itu juga, Mujahid turut menyerahkan *mock cheque* berjumlah RM100,000 dari Yayasan Taqwa sebagai dana awal pembangunan Projek Wakaf Aplikasi Al-Quran Isyarat bagi OKU pendengaran.<sup>32</sup>

Usaha ini merupakan permulaan yang sangat memberangsangkan bagi membantu orang kelainan upaya pendengaran untuk membaca Al-Quran. Golongan ini mungkin sentiasa rasa terpinggir kerana mereka tidak tahu membaca Al-Quran disebabkan tidak pernah mendengarnya apatah lagi mereka acapkali diiringi oleh kekurangan dari segi percakapan. Pelbagai usaha pernah dilakukan bagi mengelakkan golongan ini merasa terpinggir, antaranya, Masjid Tepian Putra yang menyedari kekurangan golongan orang kelainan upaya (OKU) pendengaran yang tidak memahami isi khutbah Jumaat yang diberikan secara lisan mengambil inisiatif menyediakan khidmat jurubahasa isyarat khusus bagi membantu golongan istimewa itu. Inisiatif itu bukan sahaja memberi nilai tambah kepada masjid tetapi turut menarik perhatian jemaah golongan OKU pendengaran untuk hadir menunaikan solat Jumaat di masjid tersebut.<sup>33</sup> Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah melancarkan platform digital dikenali sebagai Laman OKU Pendengaran Portal SPRM untuk golongan orang kurang upaya

<sup>31</sup> Nazrin Zulkafli. 3 Mac 2022. <https://www.sinarharian.com.my/article/190876/berita/nasional/19-juta-rakyat-malaysia-alami-oku-pendengaran> .

<sup>32</sup> n.a. Oktober 5, 2019. *USIM Hasilkan Aplikasi Al-Quran Isyarat Untuk OKU Pendengaran*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/usim-hasilkan-aplikasi-al-quran-isyarat-untuk-oku-pendengaran-219228> .

<sup>33</sup> Husna Zahrul. 23 Julai 2022. *Bahasa Isyarat Bantu Oku Pendengaran Fahami Teks Khutbah Jumaat*. <https://alhijrahnews.com/bahasa-isyarat-bantu-oku-pendengaran-fahami-teks-khutbah-jumaat/> .

(OKU) pendengaran menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti rasuah.<sup>34</sup> Usaha-usaha ini telah membuktikan agama Islam sebagai agama yang *syamil* (sempurna atau lengkap) serta *salih likulli zaman wa makan* (sesuai dengan segala zaman dan tempat) dan ia menjadi faktor tajuk ini dipilih bagi menyedarkan masyarakat akan kepentingan bagi golongan ini dibantu bagi memahami agama dengan lebih mendalam yang boleh dimulakan dengan perkara yang paling asas iaitu dengan pembacaan Al-Quran.

## Tinjauan Literatur

Dalam membincangkan isu yang telah diketengahkan iaitu penggunaan bahasa isyarat dalam pembelajaran Al-Quran, penulis mendapati telah banyak kajian yang berkaitan dengan orang kelainan upaya pendengaran yang telah dilakukan sebelum ini. Artikel ini akan membincangkan sebahagian daripada kajian-kajian lepas di dalam kajian literatur ini.

Jurnal yang bertajuk “*Implikasi Kaedah Tahfiz Akhyar terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Surah Al-Fatihah kepada Murid Pekak*” (2020) yang merupakan karya Muhammad Zaid Abdul Samat dan Rosadah Abd Majid dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menggunakan metodologi kajian kes bagi memperolehi data kualitatif. Kajian ini menerangkan tentang kaedah hafazan yang digunakan bagi murid pekak yang dinamakan Tahfiz Akhyar yang mana kaedah ini dibangunkan oleh Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa atau dikenali sebagai Yayasan FAQEH. Kajian ini menerangkan tiga fasa yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk membantu murid yang mengalami masalah pembelajaran dan murid yang memiliki masalah pendengaran. Menurut penulis, pendidikan Al-Quran boleh dilaksanakan di sekolah sekiranya kaedah pembelajaran dan pengajaran yang digunakan kepada murid sesuai dan mengikut keupayaan mereka menerusi pembelajaran secara visual. Penulis berpendapat penggunaan Kaedah Tahfiz Akhyar bagi murid pekak sangat sesuai digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran Al-Quran khususnya bagi menghafal Al-Quran. Kaedah hafazan yang digunakan ini selari dengan keupayaan deria visual yang dimiliki oleh murid pekak. Pengkaji berharap kaedah menghafal Al-Quran khususnya surah Al-Fatihah ini boleh diaplikasikan di semua institusi pendidikan OKU Pendengaran.<sup>35</sup>

Selain itu, jurnal yang bertajuk “*Inovasi Pembelajaran Al-Quran dalam Kalangan OKU Pekak Berdasarkan Hadis Keutamaan Membaca Al-Quran*” (2020) merupakan karya Norakyairee Mohd Raus, Siti Rama Khamaruddin dan Siti Rahmah Ahmad Razuan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penulis menggunakan pendekatan kualitatif di mana protokol pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen merupakan kaedah pengumpulan data. Dapatan kajian penulis menunjukkan keperluan terhadap penerokaan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Al-Quran terhadap komuniti OKU Pekak khususnya dalam memperkasa peranan mahasiswa cakna OKU. Ia turut memberi definisi baharu dalam pembelajaran Al-Quran dalam kalangan komuniti istimewa ini di mana kaedah pembacaan Al-Quran bukan hanya tertumpu kepada pembacaan terjemahan Al-Quran sahaja. Jika komuniti tipikal membaca Al-Quran bersuara, bertajwid dan bertarannum, maka komuniti OKU Pekak membaca Quran tanpa suara dengan mengisyaratkan kod tangan hijaiyyah pada setiap huruf-huruf Al-Quran sesuai dengan aspirasi Hadis Nabi SAW berkaitan keutamaan membaca Al-Quran melalui konsep 'Alif' satu huruf, 'Lam' satu huruf dan 'Mim' satu huruf. Menurut penulis, usaha memberi ruang dan peluang komuniti orang pekak mempelajari Al-Quran dan memahaminya merupakan suatu tuntutan Syarak. Usaha ini secara tidak langsung membuktikan kemukjizatan Al-Quran yang diturunkan sebagai suatu anugerah dan rahmat buat seluruh alam. Proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran merupakan suatu seni yang berkembang selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Namun keunikan

<sup>34</sup> n.a. 19 Disember 2022. *SPRM lancar platform digital untuk OKU lapor rasuah*.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/09/884498/sprm-lancar-platform-digital-untuk-oku-lapor-rasuah> .

<sup>35</sup> Muhammad Zaid bin Abdul Samat, Prof. Madya Dr. Rosadah binti Abd Majid. 2020. Implikasi Kaedah Tahfiz Akhyar terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Surah Al-Fatihah kepada Murid Pekak. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 4 (2) no. e-ISSN 2590-3799.

pengajaran dan pembelajaran Al-Quran ini tidak boleh dinafikan dari aspek utamanya iaitu, Talaqqi dan Mushafahah. Ini bermakna, komuniti orang pekak juga berhak untuk mempelajari Al-Quran secara berstruktur dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang meraikan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka.<sup>36</sup>

Seterusnya, kajian kualitatif yang berjudul “*Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia*” (2021) yang dikarang oleh Nizaita Omar, Razi Yaakob, Ruhaizan Sulaiman dan Saiful Yuslizam Yakar dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) mendapati golongan OKU Pendengaran secara umumnya mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah dan ketinggalan dalam arus pendidikan formal. Justeru, kajian ini dilakukan untuk meneliti berkaitan bentuk permasalahan dan cabaran yang dihadapi dalam pengendalian pembelajaran dan pengajaran (PdP) fardu ain kepada golongan ini. Empat cabaran utama telah dikenal pasti menjadi kekangan dalam pengendalian PdP fardu ain iaitu faktor sikap dan tahap kecerdasan, kurangnya kesedaran, kekurangan kemudahan info dan infrastruktur yang relevan dan sesuai dan kesukaran untuk mendapatkan pengajar agama yang berkemahiran berbahasa isyarat. Penulis berpandangan bahawa hak beragama adalah satu perkara utama yang perlu diberi perhatian. Belajar, memahami, menghayati lantas melaksanakan tuntutan agama merupakan suatu kewajipan yang perlu dipikul oleh warga pekak sebagaimana insan muslim yang lain. Biarpun, terdapat beberapa kelonggaran diberikan dari sudut cara atau kaedah melaksanakan sesuatu kewajipan, namun tuntutan dan kefarduan untuk melaksanakannya masih lagi ditaklifkan kepada mereka. Justeru menjadi tanggungjawab *daie* (pendakwah), untuk membantu dan membimbing mereka tentang agama dengan apa jua cara yang tepat dan bijaksana sesuai dengan kecacatan yang mereka alami. Sekalipun bukan mudah, pembangunan agama yang baik bakal melahirkan warga pekak yang memiliki jati diri yang kukuh dan berkeperibadian mulia yang mampu menyumbang kebaikan untuk diri, masyarakat dan negara.<sup>37</sup>

## Definisi

### Orang Kelainan Upaya Pendengaran

Orang kelainan upaya pendengaran bermaksud individu yang tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Terdapat 4 tahap yang boleh dikategorikan sebagai OKU pendengaran, iaitu: Minima (*Mild*) - (20 - < 30 dB) (untuk orang dewasa), sederhana (*Moderate*) - (30 - < 60 dB), teruk (*Severe*) - (60 - < 90 dB) dan sangat teruk (*Profound*) - (> 90 dB).<sup>38</sup>

Orang kelainan upaya pendengaran (OKUP) ini terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu golongan pekak dan golongan yang mengalami kesukaran dalam mendengar. Golongan pekak ialah golongan yang tidak mampu memahami dan mengerti segala bunyi sekeliling mereka walaupun dengan bantuan alat pendengaran. Kemudian golongan pekak ini dibahagikan kepada dua istilah yang dikaitkan dengan umur, iaitu pekak sebelum berbahasa (*prelingual deafness*) dan pekak selepas berbahasa (*postlingual deafness*). Pekak sebelum berbahasa ini kebiasaannya merujuk kepada golongan yang mengalami pekak sewaktu lahir atau berlaku sebelum umur yang membolehkan ia bertutur. Pekak selepas berbahasa pula ialah golongan yang mengalami pekak ketika umur sudah memperolehi pertuturan. Seterusnya bagi golongan yang mengalami kesukaran dalam mendengar pula ialah golongan yang dapat memproses maklumat daripada bunyi sekeliling mereka dengan bantuan alat pendengaran. Kebiasaan mereka yang mengalami

<sup>36</sup> Norakyairree Mohd Raus, Siti Ramna Khamaruddin, Siti Rahmah Ahmad Razuan. 2020. *Inovasi Pembelajaran Quran Dalam Kalangan Oku Pekak Berdasarkan Hadis Keutamaan Membaca Quran*. P. 543-551.

<sup>37</sup> Nizaita Omar, Razi Yaakob, Ruhaizan Sulaiman, Saiful Yuslizam Yakar. 2021. *Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia*. Volume 06 No 3: 77-84.

<sup>38</sup> Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Tarikh kemaskini: 16 Disember 2022. *Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)*. <https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kategori-orang-kurang-upaya-oku> .

kesukaran dalam pendengaran ini di tahap 35 sehingga 69 desible (dB) ataupun bagi mereka yang mengalami masalah pendengaran yang teruk ialah pada tahap 71 sehingga 90 dB.

Deria pendengaran amat penting bagi membantu seseorang untuk bertutur. Hal ini kerana pendengaran dan pertuturan mempunyai hubungan yang rapat. Oleh yang demikian, sekiranya berlaku mana-mana kecacatan pada bahagian proses pendengaran, ia akan membawa kesan kepada keupayaan pendengaran dan berbahasa lisan. Kehilangan pendengaran yang dialami oleh seseorang akan mengakitkannya tidak mendengar bunyi-bunyi pertuturan. Hal ini sekaligus membawa kepada kecacatan komunikasi lisan serta implikasinya terhadap berbahasa ialah mereka tidak dapat memahami dan berbahasa lisan dengan baik.<sup>39</sup>

### **Al-Quran**

Al-Quran atau Quran ialah kitab suci bagi umat Islam. Menurut ajaran Islam, Al-Quran ialah wahyu yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan Malaikat Jibril yang sampai ke zaman sekarang secara *mutawatir*. Perihal diturunkan Al-Quran mempunyai kaitan rapat dengan *Lailatul Qadar*. Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad secara beransur-ansur dalam tempoh 23 tahun.

Dalam salah satu ayat yang terdapat di dalam Al-Quran Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Adz-Dzikir, dan Kamilah yang akan menjaganya*".

Lafaz Al-Quran dari segi bahasa adalah bacaan atau himpunan huruf dan kalimah. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud: "*Sesungguhnya Kamilah Yang Berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu, dan menetapkan bacaannya; Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya, maka bacalah menurut bacaannya itu*" Manakala dari segi istilah pula, Al-Quran ialah kalam Allah yang bermukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan Malaikat Jibril dalam bahasa Arab, diriwayatkan secara mutawatir dan membaca setiap hurufnya adalah ibadah, bermula dari Surah Al-Fatihah dan berakhir dengan Surah An-Naas.<sup>40</sup>

### **Bahasa Isyarat**

Bahasa isyarat merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh golongan kelainan upaya pendengaran (GKUP). Penggunaan bahasa isyarat boleh juga digunakan oleh golongan yang mempunyai masalah dalam bertutur, golongan yang tidak boleh mempelajari bahasa melalui pertuturan, dan golongan yang tidak boleh mendengar. Hal ini kerana, penggunaan bahasa isyarat memudahkan komunikasi golongan kelainan upaya pendengaran dan memberi peluang kepada GKUP untuk meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya. Keunikan bahasa isyarat dapat dilihat apabila timbul bentuk atau simbol tangan yang memberi makna terhadap sesuatu keadaan. Selain itu, bahasa badan dan ekspresi muka menjadi daya tarikan dan intonasi dalam penggunaan bahasa isyarat. Di Malaysia, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) merupakan bahasa utama untuk orang kurang upaya pendengaran.<sup>41</sup>

### **Latar Belakang<sup>42</sup>**

Sejarah mengenai penggunaan bahasa isyarat dalam agama Islam kurang dikenal pasti kemunculannya. Namun, sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi penggunaan isyarat dan bahasa badan telah digunakan oleh

<sup>39</sup> Ummu Karamah Binti Alias, Hamdi Bin Ishak, Sabri Bin Mohamad. 2019. Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran. *Jurnal al-Turath*. Vol. 4. No. 2 e-ISSN 0128-0899. P. 60.

<sup>40</sup> Educalingo. Disember 2022. *Maksud "al-Quran" dalam kamus Melayu*. <https://educalingo.com/ms/dic-ms/al-quran> .

<sup>41</sup> Syar Meeze Mohd Rashid, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Noraidah Sahari @ Ashaari. 2017. Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) di dalam Terjemahan Maksud Surah Al-Fatihah. *Journal of Language Studies Volume 17*(4). P. 210.

<sup>42</sup> Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Zawawi Ismail. 2017. Isu Dan Cabaran Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. P. 3.

baginda dalam usaha menerangkan hal-hal yang cukup penting dan untuk menarik perhatian orang yang menyemaknya (Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011). Rasulullah sering menggunakan isyarat melalui anggota tubuh badan Baginda sebagai sokongan atau penguat terhadap perkara yang Baginda jelaskan (Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011).

Perkembangan bahasa isyarat dan sejarah orang pekak dalam dunia Islam tidak dapat diketahui asal permulaannya. Namun Moores (1996) telah menceritakan sedikit mengenai perkembangan pendidikan orang pekak Islam di tanah Arab. Selepas kejatuhan Eropah Barat, Byzantine telah berusaha keras untuk menyebarkan ajaran agama Islam di seluruh dunia. Selama sepuluh tahun agama Islam disebarkan akhirnya Islam telah berkembang di Syria, Palestin, Iraq, Parsi, dan Mesir. Setelah itu, pada tahun 718, Islam telah berkembang di Afrika Utara, Sepanyol, dan Portugal. Kemudian pada tahun 732 pengaruh Islam tersebar di Perancis (Moores, 1996).

Ketika itu, empayar perkembangan Islam Byzantine dan dunia Islam lebih meluas dan maju daripada Eropah yang merupakan zaman kegelapan mereka. Kejayaan dan kemajuan Islam ketika itu menyebabkan lahirnya pelbagai ilmu yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Misalnya seperti Ibn Sina, Al-Khawarizmi, dan sebagainya (Moores, 1996). Rhazes (tahun 850 hingga 920) merupakan ahli fizik Arab yang sangat berjaya ketika itu telah membahagikan golongan pekak kepada tiga kategori iaitu, kemerosotan pendengaran, pengurangan pendengaran, dan kehilangan pendengaran. Beliau mempercayai masalah pendengaran yang dihadapi oleh golongan ini boleh sembuh jika rawatan dimulakan pada sebelum umur menjangkau dua tahun (Moores, 1996).

Selain itu, Werner (1932) dan Moores (1996) mengatakan bahawa Ibn Sina (980-1037) merupakan tokoh fizik dan perubatan Islam yang hebat telah menggunakan teori pendengaran berdasarkan karya Galen yang merupakan ahli fizik Greek untuk merawat golongan yang menghadapi masalah pendengaran. Daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli ilmu Islam ini menunjukkan sebenarnya terdapat golongan pekak semasa zaman kegemilangan Islam ketika itu. Walaupun pada masa itu Islam mengalami zaman kegemilangan tetapi perkembangan pendidikan untuk golongan pekak adalah sangat kurang.

Kajian mengenai sejarah bahasa isyarat di tanah Arab masih kurang dan hanya menghuraikan mengenai adanya bahasa isyarat yang digunakan oleh orang pekak di tanah Arab dan perbezaannya mengikut negara di tanah Arab. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Ghaner (2008) dan Trine (2013) yang mengatakan bahawa golongan pekak di tanah Arab telah menggunakan bahasa isyarat sebagai bahasa utama dalam komunikasi mereka. Selain itu, menurut Al-Fityani dan Padden (2008) dan Trine (2013), setiap negara di tanah Arab mempunyai bahasa isyarat mereka tersendiri dan berkembang mengikut budaya dan cara hidup dalam sesebuah negara. Disebabkan bahasa isyarat itu berkembang mengikut budaya, amalan dan cara hidup masyarakat setempat, di negara-negara Arab juga tidak terlepas dalam menghasilkan isyarat-isyarat yang berkaitan dengan agama Islam. Misalnya di negara Arab Saudi, Pakistan dan sebagainya telah berusaha untuk menghasilkan sebuah isyarat yang berkaitan agama Islam.

### **Pandangan Al-Quran dan Hadith Terhadap Golongan Orang Kelainan Upaya Al-Quran**

OKU secara umumnya tidak disebut dalam al-Quran berdasarkan kecacatan zahir. Istilah-istilah seperti pekak, bisu dan buta yang banyak disebut secara berulang kali tidak merujuk kepada kecacatan sebenar tetapi secara analoginya ia melambangkan golongan yang menolak atau enggan menerima seruan untuk beriman kepada Allah s.w.t. Interaksi al-Quran dengan golongan yang ingkar melalui analogi kecacatan menunjukkan penghinaan hanya berlaku kepada manusia yang cacat batin (tidak beriman). Hal ini membuktikan bahawa dalam Islam, kecacatan zahir tidak pernah memberikan sebarang implikasi kekurangan, kehinaan atau penyimpangan. Merujuk kepada surah 'Abasa ayat 1-10, golongan OKU mendapat kedudukan yang istimewa apabila Allah s.w.t telah menegur Rasulullah s.a.w. tentang cara layanan baginda terhadap Abdullah Ibn Ummi Maktum yang merupakan seorang yang cacat penglihatan.

﴿عَبَسَ وَتَوَلَّى ۱﴾ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۲ ﴿وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَكِي ۳﴾ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ۴ ﴿أَمَّا مَنْ اسْتَعَى ۵﴾ فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى ۶ ﴿وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَكِي ۷﴾ وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى ۸﴾ وَهُوَ يَخْشَى ۹﴾ فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى ۱۰﴾ ﴿

Berikut adalah terjemahannya:

*“Dia memasamkan muka dan berpaling, Kerana dia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya. wahai Muhammad)? Barangkali dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)! Ataupun dia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran). Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau dia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu. Dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah s.w.t); Maka engkau berlengah-lengah melayaninya.”*

(Surah Abasa ayat 1-10)

Menurut Sya'ban, selepas peristiwa tersebut, Rasulullah s.a.w sangat memuliakan beliau dan apabila melihatnya baginda akan berkata: “Selamat datang orang yang telah menyebabkan aku ditegur oleh Tuhanku”.

Selain itu, terdapat juga ayat lain yang membicarakan mengenai perihal OKU iaitu mengenai ketentuan berperang bagi orang yang tidak mampu dan terhalang daripada berperang. Ayat tersebut adalah daripada surah an-Nisa' ayat ke 95 hingga 96.

﴿لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولَى الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ۹۵﴾ دَرَجَاتٍ مِّنْهُ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً ۖ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ۹۶﴾ ﴿

Berikut adalah terjemahannya:

*“Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman selain daripada orang-orang yang ada keuzuran dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah s.w.t (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah s.w.t melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (Syurga) dan Allah s.w.t melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu uzur) dengan pahala yang amat besar; laitu beberapa darjat kelebihan daripadaNya dan keampunan serta rahmat belas kasihan dan (ingatlah) adalah Allah s.w.t Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

Imam Syafie dalam menafsirkan ayat 95 surah an-Nisa', mengatakan adalah jelas bahawa Allah s.w.t. menjanjikan kebaikan kepada mereka yang mempunyai keuzuran walaupun tidak turut serta dalam berjihad. Ini menunjukkan golongan seperti mereka ini tidak berdosa sekiranya tidak turut serta dalam berjihad malah Allah s.w.t. menjanjikan kebaikan (syurga) kepada mereka asalkan mereka beriman kepada Allah s.w.t. tanpa sebarang keraguan. Dalam ayat ini boleh dilihat bahawa tuntutan berjihad adalah ke atas mereka yang sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang keuzuran. Maka, bagi mereka yang

mempunyai keuzuran seperti buta dan sakit, ayat ini merupakan jalan keluar dan sebab yang munasabah untuk tidak turut serta dalam berjihad.

Di dalam surah ini juga Allah s.w.t. menceritakan tentang kelebihan orang yang keluar berjihad berbanding orang-orang yang hanya duduk sahaja kecuali bagi mereka yang mempunyai keuzuran, dengan ganjaran berupa syurga yang berbagai rahmat dan berkat sebagai tanda kebaikan dan kemuliaannya serta menjanjikan keampunan kepada mereka.

Berikut adalah terjemahannya bagi ayat ke-96:

*“Tidaklah menjadi salah kepada orang buta dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya) dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksanya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.”*

Di dalam ayat ini Allah s.w.t. memberikan pengecualian daripada turut berperang kepada tiga golongan iaitu; orang buta, tempang dan orang yang sakit. Ini adalah kerana mereka mempunyai keuzuran yang zahir dan jelas dan mereka tidak berdosa sekiranya tidak turut serta berperang. Sesungguhnya Allah s.w.t. telah berjanji bahawa barangsiapa yang berjihad pada jalan Allah s.w.t. Allah s.w.t. akan mengurniakan padanya tempat yang mulia, iaitu syurga yang mengalir sungai-sungai dibawahnya.<sup>43</sup>

### Hadith

Terdapat beberapa hadis sahih yang menyentuh mengenai interaksi Rasulullah s.a.w. pada zaman baginda. Hadis-hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. dan para sahabat menjaga kebajikan OKU hinggalah mereka cukup senang dalam menempuh kehidupan sebagai hamba Allah s.w.t. yang cacat dan serba kekurangan. Rasulullah s.a.w. dan para sahabat telah mempamerkan akhlak dan juga satu tauladan hebat dalam aspek kebajikan, demikianlah juga dari aspek hak-hak asasi OKU.

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ : " صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ " .<sup>44</sup>

Maksudnya:

*Solatlah dalam keadaan berdiri, jika tidak mampu solatlah dalam keadaan duduk, jika tidak mampu, solatlah di atas lambunganmu (mengiring).*

(Hadis riwayat Bukhari)

Solat adalah tiang agama yang mana tanpanya rapuhlah iman seseorang itu. Sesiapa yang meninggalkannya dengan sengaja atau dengan alasan apa sekalipun bermakna dia berusaha untuk meruntuhkan agamanya sendiri. Kewajipan ini tidak gugur terhadap mereka yang mengalami kecacatan kerana kecacatan yang dialami itu tidak menjadi asbab dan alasan untuk tidak menunaikan solat khususnya solat fardhu. Ayat ini menunjukkan bahawa Islam tidak membebankan umatnya dengan sesuatu yang diluar kemampuan dan keupayaannya. Contohnya, OKU yang mengalami kecacatan anggota secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu mereka yang masih boleh berdiri, berkerusi roda dan lumpuh. Cara solat mereka sebenarnya sama seperti orang normal dari sudut rukun niat dan rukun bacaan kecuali dalam rukun anggota yang dilakukan mengikut kemampuan masing-masing. Seseorang

<sup>43</sup> Izzatul Najihah Binti Baharudin, Farhah Zaidar Mohamed Ramli. 2020. *Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis*. P. 38-41.

<sup>44</sup> صحيح البخاري في أبواب تقصير الصلاة، باب إذا لم يطق قاعدا صلى على جنب (1117) (2/48)

OKU itu boleh solat menggunakan kaki palsu, kerusi roda mahupun kerusi biasa. Selain itu, berbuat baik kepada yang lemah menjadi sebab terbukanya pintu rezeki.

عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ ، قَالَ : رَأَى سَعْدٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ لَهُ فَضْلًا عَلَى مَنْ دُونَهُ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " هَلْ تُنصَرُونَ وَتُرزَقُونَ إِلَّا بِضُعْفَائِكُمْ؟ "45

*Maksudnya: Sa'd melihat bahawa sesungguhnya dirinya memiliki kelebihan yang tiada pada yang lain, lalu Rasulullah S.A.W bersabda, "Bukankah kalian tidak mendapat pertolongan (kemenangan) dan rezeki melainkan disebabkan oleh orang-orang lemah diantara kalian?"*

(Hadis riwayat Bukhari)

Nabi S.A.W menjelaskan kepada kita bahawa berbuat baik kepada orang yang lemah boleh menjadi sumber kebaikan dan kekuatan umat Islam. Ia juga sebab datangnya atau terbukanya pintu rezeki dan kemenangan terhadap musuh. Ini adalah kerana ibadah dan doa orang yang lemah adalah lebih ikhlas dan khusyuk kerana hati mereka tidak bergantung kepada keselesaan dan kemewahan dunia dan bersih dari perkara yang boleh memutuskan hubungan mereka dengan Allah s.w.t.

## **Kaedah-Kaedah Bacaan Al-Quran Bagi Orang Kelainan Upaya pendengaran**

### **Kaedah Pertuturan Kiu**

Kaedah pembelajaran Al-Quran bagi Orang Kelainan Upaya Pendengaran boleh dilaksanakan melalui pendekatan Pertuturan Kiu. Selain daripada bahasa isyarat dan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM), Pertuturan Kiu atau *Cued Speech* juga merupakan salah satu medium komunikasi bagi golongan kelainan upaya pendengaran. Pertuturan Kiu ini diasaskan oleh Dr. R. Orin Cornett pada tahun 1967 dengan tujuan bagi membantu kanak-kanak pekak Amerika membaca gerak bibir dalam bahasa Inggeris. Dr Orin Cornett menamakan ia sebagai "Pertuturan Kiu" kerana kiu tangan digunakan seiring dengan pertuturan biasa supaya setiap sukukata dapat di kenalpasti dengan jelas melalui penglihatan dan pendengaran. Kiu tangan tersebut diletakkan disisi muka bagi membuat semua bunyi dalam bahasa pertuturan nampak berbeza. Kiu tangan ini juga membantu OKUP membaca gerak bibir bagi menentukan perkataan yang disebut. Setiap kiu tangan tidak mempunyai makna secara bersendirian tetapi mesti dilaksanakan bersama bacaan bibir. Kaedah ini menekankan bacaan bibir, latihan auditori dan penghasilan pertuturan. Kaedah Pertuturan Kiu di Malaysia diperkenalkan di Malaysia oleh sebuah badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia (NSD) pada tahun 1988 iaitu enam tahun selepas penyesuaian pertuturan Kiu dalam Bahasa Malaysia dilakukan oleh Naib Presiden Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia, Tan Chin Guan dengan bantuan Dr. R. Orin Cornett sendiri. Seterusnya, Pertuturan Kiu Bahasa Arab (PKBA) direka untuk memberi peluang kepada golongan kelainan upaya pendengaran yang beragama Islam serta tenaga pengajar untuk membaca Al-Quran, membaca doa dan membaca bahan bacaan berbahasa Arab. PKBA ini dicipta sebagai satu alat yang ingin ditunjukkan kepada OKUP akan perbezaan bunyi pertuturan dalam Bahasa Arab. Setiap kiu tangan terdiri daripada satu bentuk tangan yang diletakkan pada posisi tangan yang khas.

### **Kaedah Fakhir**

Kaedah Fakhir merupakan kaedah yang diasaskan oleh Ustazah Nor Aziah Mohd Daud pada tahun 2009. Kaedah ini dibentuk bagi membantu golongan bermasalah pendengaran dan pembelajaran dalam mempelajari al-Quran. Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Islam Masalah

45 صحیح البخاری فی کتاب الجهاد والسير، باب من استعان بالضعفاء والصالحين في الحرب (2896) (4/36)

Pendengaran berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Berdasarkan KSSRPK, kaedah ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Kaedah Fakhir ini telah menggunakan enam teknik pengajaran melalui modul yang telah dibangunkan iaitu bermula dengan peringkat kaedah asas Fakhir sehinggalah ke Fakhir Al-Quran 6. Menurut Nor 'Azhiah Mohd Daud (2012) Kaedah Fakhir merupakan kaedah pembelajaran Al-Quran yang berasaskan nombor dan warna. Ia menggunakan tiga warna seperti kuning, merah dan hijau bagi menunjukkan tanda baris huruf, tanda sukun dan tanda syaddah.

Di samping itu, Kaedah Fakhir ini juga menggunakan kaedah nombor satu sehingga sepuluh bagi turutan bacaan. Sekiranya ia lebih daripada sepuluh, nombor berikut akan berulang kembali ke nombor satu. Seterusnya, Kaedah Fakhir ini menggunakan kod tangan Hijaiyyah dengan membuat simbol huruf untuk membaca Al-Quran khusus kepada golongan bermasalah pendengaran.

### **Kaedah Bahasa Isyarat Arab**

Kaedah membaca Al-Quran lain yang boleh dipelajari oleh orang kelainan upaya pendengaran juga ialah Kaedah Isyarat Arab. Kaedah ini diaplikasikan di negara-negara seperti Arab Saudi. Kaedah ini menggunakan isyarat huruf-huruf hijaiyyah tunggal tanpa berbaris.

### **Manfaat dan Hikmah Al-Quran Isyarat Terhadap Golongan OKU Pendengaran**

Dalam mendepani isu OKU, agama Islam melalui acuan al-Quran dan hadis telah sedia memberi jawapan khususnya dalam membangunkan OKU. Surah 'Abasa dan surah an-Nisa' bukan sahaja sekadar membentangkan prinsip-prinsip dan nilai dakwah, malah kedua-dua surah ini membongkarkan kepada kita bagaimana pendekatan dan kaedah yang perlu diambil oleh semua orang termasuklah pemerintah bagi membangunkan golongan OKU. Sesungguhnya kelemahan atau kecacatan itu bukanlah penghalang bagi golongan ini untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan kerana sesungguhnya setiap individu itu pastinya mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri.

Allah s.w.t tidak sesekali menzalimi hambaNya. Jika seseorang mempunyai masalah pendengaran, biasanya dia masih mempunyai penglihatan dan begitulah sebaliknya. Itu antara bukti Allah s.w.t. tidak pernah memilih hambaNya untuk menanggung kekurangan 100 peratus. Malah, orang buta ada kalanya memiliki deria pendengaran jauh lebih baik daripada insan normal. Kita dapat lihat dari sudut pelajaran, sukan, pekerjaan dan sebagainya, banyak kejayaan yang telah dilakar dan diperolehi oleh golongan OKU. Mereka telah membuktikan kepada masyarakat bahawa kekurangan dan kecacatan yang mereka hadapi itu bukanlah sesuatu yang menjatuhkan mereka, malah ia menjadi pembakar semangat dan dorongan motivasi buat mereka. Dari perspektif Islam, setiap anak yang lahir itu adalah kurniaan Allah s.w.t. kepada kedua ibubapanya, baik anak itu dilahirkan sempurna, mahupun sebaliknya. Kurniaan ini pula bukanlah diberi begitu sahaja, sebaliknya dengan segala tanggungjawab dan amanah yakni untuk membesarkan anak itu agar menjadi manusia yang berguna kepada keluarga, agama dan masyarakat. Jadi, sama ada anak itu sempurna mahupun tidak, tanggungjawab membesarkan dan mendidik mereka masih terletak di bahu kedua ibubapa.

Pembelajaran Al-Quran menggunakan bahasa isyarat merupakan bukti yang nyata bahawa Islam itu adalah rahmat untuk seluruh alam. Agama Islam adalah bersifat *syumuliah* (sempurna) dan tidak bersifat eksklusif hanya pada golongan tertentu, rahmatnya turut meliputi golongan orang kelainan upaya. Pembelajaran Al-Quran menggunakan bahasa isyarat juga merupakan satu titik permulaan bagi meluaskan peluang dakwah dan mendekati golongan orang kelainan upaya ini dengan agama Islam. Malah USIM juga dapat dilihat sebagai antara universiti yang terkehadapan dalam menyantuni golongan orang kelainan upaya dengan tertubuhnya Ibnu Ummi Maktum, Kelab Sahabat FAQEH dan sebagainya. Pembelajaran Al-Quran bagi golongan orang kelainan upaya ini turut mewujudkan sifat empati secara tidak langsung

dalam kalangan masyarakat. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan golongan ini rasa terpinggir apabila berada di kalangan manusia yang sempurna fizikalnya di samping meningkatkan keyakinan diri golongan orang kelainan upaya ini untuk tampil berdakwah dalam komuniti mereka.

## Kesimpulan

Al-Quran merupakan rahmat yang Allah turunkan kepada manusia keseluruhannya tanpa membezakan antara golongan yang sempurna atau kurang sempurna. Allah turut berfirman di dalam Surah Al-Qamar yang bermaksud: "Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?" Allah telah mempermudah Al-Quran untuk manusia mengambil pengajaran daripadanya, maka tidak seharusnya kita pinggirkan mereka yang mengalami kesukaran untuk mempelajari Al-Quran, sebaliknya pencarian inisiatif bagi membantu golongan ini harus dilakukan agar mereka tidak merasa terpinggir di samping membuka ruang bagi golongan ini untuk memahami Islam dengan lebih mendalam. Pembelajaran Al-Quran seharusnya disebar dengan lebih meluas bagi golongan orang kelainan upaya, dengan ini akan terealisasinya konsep agama Islam sebagai *rahmatan lil-alam* (rahmat bagi seluruh alam).

## Rujukan

Al-Quran. Terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih.

Educalingo. Disember 2022. *Maksud "al-Quran" dalam kamus Melayu*.

<https://educalingo.com/ms/dic-ms/al-quran> .

Husna Zahrul. 23 July 2022. *Bahasa Isyarat Bantu Oku Pendengaran Fahami Teks Khutbah*

*Jumaat*. <https://alhijrahnews.com/bahasa-isyarat-bantu-oku-pendengaran-fahami-teks-khutbah-jumaat/> .

Izzatul Najihah Binti Baharudin, Farhah Zaidar Mohamed Ramli. 2020. Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis. P. 38-41.

Muhammad Zaid bin Abdul Samat, Prof. Madya Dr. Rosadah binti Abd Majid. 2020. Implikasi Kaedah Tahfiz Akhyar terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Surah Al-Fatihah kepada Murid Pekak. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 4 (2) no. e-ISSN 2590-3799.

Nazrin Zulkafli. 3 Mac 2022.

<https://www.sinarharian.com.my/article/190876/berita/nasional/19-juta-rakyat-malaysia-alami-oku-pendengaran> .

Nizaita Omar, Razi Yaakob, Ruhaizan Sulaiman, Saiful Yuslizam Yakar. 2021. *Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia*. Volume 06 No 3: 77-84.

Norakyairree Mohd Raus, Siti Ramna Khamaruddin, Siti Rahmah Ahmad Razuan. 2020.

*Inovasi Pembelajaran Quran Dalam Kalangan Oku Pekak Berdasarkan Hadis Keutamaan Membaca Quran*. P. 543-551.

n.a. 19 Disember 2022. *SPRM lancar platform digital untuk OKU lapor rasuah*.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/09/884498/sprm-lancar-platform-digital-untuk-oku-lapor-rasuah> .

n.a. Oktober 5, 2019. *USIM Hasilkan Aplikasi Al-Quran Isyarat Untuk OKU Pendengaran*.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/usim-hasilkan-aplikasi-al-quran-isyarat-untuk-oku-pendengaran-219228> .

Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Tarikh kemaskini: 16 Disember

2022. *Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)*. <https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kategori-orang-kurang-upaya-oku> .

Syar Meeze Mohd Rashid, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Noraidah Sahari @ Ashaari. 2017. Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) di dalam Terjemahan Maksud Surah Al-Fatihah. *Journal of Language Studies Volume* 17(4). P. 210.

Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Zawawi Ismail. 2017. Isu Dan Cabaran Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. P. 3.

Ummu Karamah Binti Alias, Hamdi Bin Ishak, Sabri Bin Mohamad. 2019. Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran. *Jurnal al-Turath*. Vol. 4. No. 2 e-ISSN 0128-0899. P. 60.

صحيح البخاري. أبو عبد الله محمد بن إسماعيل البخاري الجعفي. المحقق: د. مصطفى ديب البغا. ١٤١٤ هـ - ١٩٩٣ م. الجزء ٢، ٤. الناشر: دار ابن كثير، دار اليمامة، دمشق.